

Oleh Presiden  
Thomas S. Monson



# Diam, Tenanglah

Satu hari beberapa tahun dahulu, selepas saya habis bekerja di pejabat, saya berasa satu impresi yang kuat untuk mengunjung seorang balu yang tua yang tinggal di satu pusat orang tua di Salt Lake City. Saya pun pandu kereta ke situ dengan serta merta.

Bila saya sampai ke biliknya, tiada orang di situ. Saya menanya seorang pekerja di mana balu itu berada dan dia mengarah saya ke satu bilik tamu. Di situ saya nampak balu yang manis itu berkunjung dengan saudaranya dan seorang kawan. Kami adakan satu perbualan yang gembira.

Di tengah-tengah perbualan kami, seorang lelaki masuk ke bilik itu untuk memperoleh satu tin minuman soda dari mesin layan diri. Dia memandang saya sepin-tas lalu dan berkara, “Anda Tom Monson.”

“Ya,” saya balas. “Dan anda nampaknya seorang Hemingway.”

Dia kata bahawa dia Stephen Hemingway, anak lelaki Alfred Eugene Hemingway, yang pernah berlayan sebagai penasihat saya bila saya seorang uskup banyak tahun lalu yang saya panggilkan Gene. Stephen beritahu saya bahawa bapanya tinggal di pusat itu juga dan dia sudah hampir mati. Gene sudah lama memanggil nama saya, dan keluarganya ingin menghubungi saya tetapi tidak dapat cari nombor telefon saya.

Saya pun tinggalkan bilik tamu itu dengan serta merta dan pergi bersama Stephen ke bilik di mana bekas penasihat saya berada, dan anak-anaknya berkumpul, isterinya sudah meninggal dunia beberapa tahun

dahulu. Ahli-ahli keluarganya pandangkan pertemuan saya dengan Stephen di bilik tamu itu sebagai satu jawapan dari Bapa Syurgawi kepada keinginan mereka bahawa saya boleh jumpa bapa mereka sebelum dia mati dan jawab panggilannya. Saya juga berasa begitu, jika Stephen tidak masuk ke bilik tamu itu pada masa saya mengunjung, saya tidak akan dapat tahu bahawa Gene berada di pusat itu.

Kami berikan dia satu berkat. Satu roh yang damai menang. Kami adakan satu kunjungan yang gembira, dan saya pun tinggalkan pusat itu selepas itu.

Pada hari berikut satu panggilan telefon memberitahu saya bahawa Gene Hemingway sudah meninggal dunia— 20 minit selepas dia menerima berkat dari saya dan anak lelakinya.

Saya berdoa secara senyap untuk mengucapkan kesyukuran kepada Bapa Syurgawi demi pengaruh bimbingan-Nya, yang menekankan kunjungan saya ke pusat orang tua itu dan bimbingan saya ke sahabat saya Alfred Eugene Hemingway.

Saya ingin fikirkan bahawa Gene Hemingway berfikir pada malam itu—semasa kami diselubungi oleh sinaran Roh, semasa kami mengucap doa yang rendah hati, dan satu berkat imamat—bergemakan kata-kata dari lagu rohani “Tuhan, Badai S’ dang Mengamuk”:

*Penebus yang memberkati,  
Jangan tinggal kami.  
Hingga tiba di pantai bahagia,  
Dengan aman menepi.*

Saya masih suka lagu rohani itu dan bersaksi tentang kesenangan hati yang diberi oleh lagu ini:

*Angin, ombak 'kan tunduk pada Mu, Tenanglah.  
Meski amukan manusia, iblis, badai,  
Atau apa pun juga tak dapat menelan kapal ini,  
Yang membawa Tuhan langit bumi!  
Semua 'kan tunduk kepada Mu,  
Diam, tenang.<sup>1</sup>*

Melalui air mata dan cubaan, melalui ketakutan dan kedukaan, melalui kesakitan hati dan kesunyian dari kehilangan orang terkasih, adanya satu kepastian bahawa hidup adalah kekal. Tuhan dan Juruselamat kita ialah saksi hidup bahawa semua tersebut benar.<sup>2</sup> Kata-kata-Nya dalam kitab suci adalah cukup: “Berhentilah berperang, ketahuilah bahawa Aku ini Tuhan” (Mazmur 46:10). Saya berikan kesaksian kepada kebenaran ini.

#### NOTA

1. “Master, the Tempest Is Raging,” *Hymns*, no. 105.
2. Lihat Richard L. Evans, “So Let Us Live to Live Forever,” *New Era*, Julai 1971, 18.

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Pesanan ini boleh menyenangkan hati seorang yang sudah kehilangan orang terkasih atau orang yang sedang berjuang dengan satu cubaan. Sebagai tambahan kepada pesanan Presiden Monson, bertimbang untuk mengongsikan salah satu ayat suci berikut, berdasarkan keperluan mereka yang anda ajar: Ayub 19:25–26; 1 Korintus 15:19–22; Mosia 24:13–15; Ajaran dan Perjanjian 122:7–9. Jika ditekan, anda boleh berikan kesaksian tentang kedamaian yang sudah diberikan kepada anda oleh Juruselamat semasa waktu cubaan anda.

## REMAJA

### Sila Sembuhkan Hati Saya

Oleh Kelsey LeDoux

**P**ada hari ulang tahun kematian abang saya, saya merenungkan hidup saya semenjak kematiannya.

Saya ingat saya merasa kesakitan yang hebat dan juga berkat-berkat yang Tuhan berikan saya.

Saya tidak faham bagaimana kematian seorang yang terkasih boleh datangkan berkat. Saya tidak faham bagaimana saya boleh memperoleh kebahagiaan dan kesyukuran terhadap satu perkara yang sangat menyakitkan. Tetapi, pada suatu malam, perspektif saya pun ubah.

Saya bangun pada tengah-tengah malam dengan hati yang berat yang tidak pernah saya alami. Kesakitan itu melemaskan saya. Saya berlutut dan berdoa kepada Bapa Syurgawi saya dengan tersedu-sedan. Saya sudah diajar tentang Penebusan dan kuasa mukjizat Yesus Kristus sepanjang hidup saya. Sekarang iman saya diuji. Adakah saya benar-benarnya percaya? Saya tanya Bapa Syurgawi saya untuk menyembuhkan hati saya. Kesakitan itu terlalu hebat untuk saya bertemu dengan bersendirian.

Kemudian, satu perasaan kedamaian, kesenangan hati, dan kasih menyelubungi seluruh badan saya. Saya berasa Tuhan memeluk saya dan melindungi saya dari kesakitan yang saya sudah rasa. Saya masih merindui saudara saya, tetapi saya dapat memandang dengan mata yang berbeza. Ada banyak perkara yang dapat saya belajar dari pengalaman ini.

Saya tahu bahawa kasih sayang dan kedamaian Tuhan sedia ada. Kita hanya perlu mengambil bahagian.

## KANAK-KANAK

### Memilih untuk Menjadi Tenang

**P**residen Monson kata bahawa bila kita tenang dan takzim, kita boleh berasa kedamaian dan memperoleh kesaksian yang lebih besar tentang Bapa Syurgawi kita. Roh Kudus dapat lebih mengingatkan kita cara untuk menolong orang lain.

Catatkan atau bincangkan bersama ibu bapa anda satu cara anda boleh menjadi tenang. Kemudian cubakannya minggu ini. Selepas anda buat demikian, anda boleh catatkan dalam jurnal anda perasaan-perasaan dan tekanan yang anda dapat.



## Pengaktifan

*Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudari yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudari yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri. Untuk maklumat lebih lanjut, layari [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org).*

**N**abi kita, Presiden Thomas S. Monson, menggalak kita untuk “menghulurkan tangan untuk menyelamatkan mereka yang perlukan bantuan kita dan untuk meningkatkan mereka ke jalan yang lebih tinggi dan yang lebih baik. . . . Ini kerja Tuhan, dan bila kita melakukan kerja Tuhan, . . . kita berhak untuk menerima bantuan Tuhan.”<sup>1</sup>

Banyak tahun lalu LaVene Call dan teman pengajar berkunjungnya mengunjung seorang saudari yang kurang aktif. Mereka mengetuk pintunya dan mendapati seorang ibu yang muda memakai jubah mandi. Dia nampaknya sakit, tetapi mereka cepat sedar bahawa masalahnya ialah arak. Dua orang pengajar berkunjung itu duduk dan berbual dengan ibu muda itu.

Selepas mereka tinggalkan rumahnya, mereka kata, “Dia seorang anak Tuhan. Kita bertanggungjawab untuk menolong dia.” Jadi mereka kerap mengunjungi dia. Setiap kali, mereka dapat lihat dan rasa satu perubahan yang bagus. Mereka jemput saudari itu untuk menghadiri Lembaga Pertolongan. Walaupun dia enggan, pada akhirnya dia menghadiri dengan lazim. Selepas digalakkan, saudari

itu dan suaminya serta anak perempuan mereka menghadiri gereja. Suaminya dapat rasa Roh Kudus. Dia kata, “Saya akan lakukan perkara yang dicadang oleh uskup.” Sekarang mereka aktif dalam Gereja dan sudah dimeterai dalam bait suci.<sup>2</sup>

### **Dari Tulisan Suci**

3 Nefi 18:32; Ajaran dan Perjanjian 84:106; 138:56

### **Dari Sejarah Kita**

Menolong mereka yang tersesat jalan untuk kembali kepada injil Yesus Kristus adalah sebahagian hidup seorang Orang Suci Zaman Akhir dan seorang ahli Lembaga Pertolongan. Presiden Brigham Young (1801–77) berkata, “Semoga kita berbelas kasihan terhadap satu sama lain, . . . dan mereka yang dapat lihat bimbinglah yang buta sehingga mereka dapat lihat jalan itu untuk diri sendiri.”<sup>3</sup>

Eliza R. Snow, presiden umum Lembaga Pertolongan kedua, mengiktirafkan usaha para saudari di Ogden, Utah, USA, untuk memperkuatkan satu sama lain. “Saya sedar bahawa banyak [perkhidmatan] sudah

diderma yang tidak akan dicatatkan,” dia kata. Tetapi dia sedar bahawa satu rekod disimpan di syurga tentang kerja para saudari semasa mereka menghulurkan tangan kepada mereka yang sudah sejuk hati, dia kata: “Presiden Joseph Smith sudah kata bahawa lembaga ini ditubuh untuk menyelamatkan jiwa. . . . Satu buku tentang iman anda, kebaikan hati anda, kerja baik anda, dan kata-kata anda disimpan. . . . Tidak ada sebarang pun yang akan hilang.”<sup>4</sup>

### **NOTA**

1. Thomas S. Monson, “The Sacred Call of Service,” *Liahona*, Mei 2005, 55, 56.
2. Surat kepada presidensi umum Lembaga Pertolongan dari anak perempuan LaVene Call.
3. Brigham Young, dalam *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 107.
4. Eliza R. Snow, dalam *Daughters in My Kingdom*, 83.

### **Apa yang Dapat Saya Lakukan?**

1. Adakah saya berkeyakinan untuk menanya seorang saudari yang kurang aktif untuk menghadiri Lembaga Pertolongan bersama saya?
2. Adakah para saudari yang saya jaga berasa senang hati untuk menanya saya soalan-soalan tentang injil?